



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Assignment type	Group Discussion 1
Chapter	Introduction Of Philosophy
Course	Philosophy And Current Issues (UHIS 1022)
Section	78
Prepared for	Dr. Nurazmallail Bin Marni
Submission date	11.11.2020
Group members	<ol style="list-style-type: none">1) Nur Afikah Binti Mohd Hayazi (A20EC0220)2) Muhammad Amin Haiqal bin Roslee (A20EC0207)3) Muhammad Harun bin Marzuki (A20EC0212)4) Omar Mokhtar Bin Yohan (A20EC0128)5) Iman Aidi Elham Bin Hairul Nizam (A20EC5006)6) Umi Suhana Binti Abdul Rahman (B20EC0055)

Discussion 1 :

1. Apakah FPN / FPK masih relevan pada abad ke - 21 ?

Ya, FPN masih relevan pada abad ke - 21 kerana ini menunjukkan FPN dijadikan sebagai kerangka dalam pembangunan pendidikan abad - 21 kita dalam kelompok dan komuniti majmuk. Hal ini, generasi muda pada abad-21 ini perlu lebih dididik dan dibangunkan supaya generasi ini dapat mengikut langkah pada masa kini dan bersedia untuk menghadapi masa depan. Namun, FPN pada abad - 21 agak bersesuai dengan perkembangan era yang teknologi canggih memerlukan para pendidik dalam peringkat mengintegrasikan dan menyumbangkan hasil bagi pembentukan anak-anak masa kini menjadi lebih matang dan holistik terhadap masa depan yang mereka akan hadapi. FPN pada abad -21 menjadi lebih bermakna untuk anak didik dalam dunia realiti sekarang.

2. Adakah FPN/FPK setara dengan halatuju agenda antarabangsa dan global?

FPN adalah merujuk kepada Falsafah Pendidikan Negara yang kini disebut sebagai Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Falsafah Pendidikan Kebangsaan di Malaysia adalah satu usaha berterusan untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan demi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Dalam erti kata lain, melahirkan rakyat Malaysia yang sempurna serta menghayati ciri-ciri berikut

- 1) Percaya dan patuh pada Tuhan
- 2) Berilmu pengetahuan
- 3) Berakhhlak mulia
- 4) Bertanggungjawab kepada diri, masyarakat, agama dan negara
- 5) Memiliki sahsiah yang seimbang dan seimbang dan sepadau
- 6) Pupuk perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum.

Manakala globalisasi atau global merujuk kepada cara hidup dunia tanpa sempadan dan saling berkait antara satu sama lain. Walaupun secara keseluruhannya globalisasi lebih memberi kesan kepada sektor politik dunia namun bidang lain seperti pendidikan juga tidak terkecuali.

Oleh yang demikian, Falsafah Pendidikan Kebangsaan setara dengan halatuju agenda antarabangsa dan global kerana dengan lahirnya masyarakat yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, emosi dan jasmani membolehkan Malaysia untuk menjadi pusat kecermelangan pendidikan di peringkat global dan mampu bergerak seiring dengan negara maju yang lain seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom yang menitikberatkan pembangunan dan perkembangan bidang pendidikan.

3. Bagaimanakah FPN/FPK dan Malaysia menyumbang kepada pendidikan dunia?

FPN/FPK dan Malaysia dapat memberi sumbangan terhadap pendidikan dunia dengan memberi contoh kepada negara-negara lain bahawa melalui pendidikan sesuatu negara itu dapat melahirkan sebuah masyarakat yang harmoni dan saling memahami walaupun berbeza dari segi kaum dan agama. Ini kerana FPN/FPK Malaysia bertujuan untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum dengan menitikberatkan aspek rohani, emosi dan jasmani dalam pendidikan. Seterusnya, FPN/FPK Malaysia dapat menyumbang kepada pendidikan dunia dengan melahirkan insan berintelek dan bersifat cintakan ilmu pengetahuan melalui penekanan dari segi intelek seseorang itu. Dengan ini, banyak ilmu-ilmu baharu akan tercipta serta pemahaman terhadap ilmu-ilmu yang sedia ada diperkuuhkan.

4. Sejauhmanakah FPN/FPK relevan dengan IR4.0?

Pada hemat saya, Falsafah Pendidikan Negara masih lagi relevan dengan IR4.0. Hal ini adalah kerana pendidikan sewajarnya berkembang dan dititikberatkan seiring dengan penggunaan teknologi yang canggih. Di sebalik penambahbaikan teknologi sewajarnya wujud satu sistem pendidikan di mana sistem inilah yang akan dapat memastikan kita tidak tenggelam di sebalik penggunaan teknologi sehingga tenaga masyarakat tidak diperlukan lagi.